



جباتن قوريقسان

Jabatan Peperiksaan
Kementerian Pendidikan
Bandar Seri Begawan BB3510
Negara Brunei Darussalam

Examinations Department
Ministry of Education
Bandar Seri Begawan BB3510
Brunei Darussalam

Rujukan Kami :
Our Reference

**SURAT PEMBERITAHUAN
JABATAN PEPERIKSAAN, KEMENTERIAN PENDIDIKAN
BILANGAN : 05/2025**

**Peperiksaan Sijil Perdagangan Brunei – Jun 2025
(Pendaftaran)**

Sukacita dimaklumkan pendaftaran bagi peperiksaan yang tersebut di atas akan bermula pada **31 March 2025 (Isnin)** hingga **15 Mei 2025 (Khamis)**. Peperiksaan ini akan diadakan pada **13 Jun 2025 (Jumaat)** dan **15 Jun 2025 (Ahad)**.

Calon-calon yang terdiri daripada kelas Pelajaran Lanjutan yang ingin menduduki peperiksaan ini dikehendaki mendaftar melalui guru kelas masing-masing. Calon-calon persendirian bolehlah mendapatkan borang untuk mendaftar terus ke Kaunter Jabatan Peperiksaan, Pusat Perkhidmatan Setempat, Kementerian Pendidikan. Jabatan Peperiksaan hanya akan menerima bayaran pendaftaran peperiksaan dengan wang tunai sahaja pada **setiap hari Isnin hingga Khamis** di sebelah pagi mulai jam **8.00 pagi hingga 11.00 pagi** dan di sebelah petang mulai jam **1.30 petang hingga 2.30 petang** kecuali **hari Sabtu** bermula jam **8.00 pagi hingga 10.00 pagi** sahaja.

Sehubungan itu, calon-calon yang ingin menduduki peperiksaan **peringkat permulaan**, mestilah menyertakan **salinan kad pengenalan** sahaja, sementara calon-calon yang ingin menduduki peperiksaan di **peringkat menengah** atau **tertinggi** mestilah menyertakan **salinan kad pengenalan** dan **salinan slip keputusan atau sijil peperiksaan** di peringkat sebelumnya yang telah diambil dan lulus.

Sukacita juga diperingatkan kepada calon-calon bahawa sebarang penggunaan **'mesin taip elektrik'** dalam masa peperiksaan tidak dibenarkan sama sekali. Jika calon-calon didapati menggunakan **'mesin taip elektrik'**, keputusan calon berkenaan akan dibatalkan.

Borang yang telah lengkap diisikan berserta dengan bayarannya hendaklah dikembalikan tidak lewat pada **15 Mei 2025 (Khamis)**.

Mata-mata pelajaran yang ditawarkan dan pusat peperiksaan adalah seperti di dalam Lampiran A.

2/....

2

"Al-Qur'an Sumber Rujukan Dalam Kepimpinan"



[AWANG SHAHRIZAL BIN HAJI EMRAN / LAMPOH]

Pemangku Pengarah Peperiksaan
Jabatan Peperiksaan
Kementerian Pendidikan

Rujukan: BE/DE/SPB 2025 (05)
Tarikh: 10 Ramadhan 1446H
11 Mac 2025M

Salinan:

YM Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras)
YM Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi)
YM Timbalan Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras)
YM Timbalan Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi)
YM Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Korporat)
YM Pengarah Sekolah-Sekolah
YM Pengarah Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan
YM Pengarah Perancangan, Perkembangan dan Penyelidikan
YM Pengarah Perancangan dan Pengurusan Estet
YM Pengarah Perkembangan Kurikulum
YM Pengarah/Ketua Pegawai Eksekutif Institut Pendidikan Teknikal Brunei
YM Pengarah Kenaziran Sekolah-Sekolah
YM Pengarah Pendidikan KoKurikulum
YM Pengarah Teknologi Maklumat dan Komunikasi
YM Pengarah Pengurusan Pendidik
YM Jabatan Pendidikan Khas
YM Ketua Bahagian Komunikasi Korporat
YM Setiausaha Urusetia Majlis Kebangsaan Pengiktirafan Kelulusan (MKPK)
YM Pegawai Tugas-tugas Khas Kanan / Ketua Jabatan Pengurusan Biasiswa
YM Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan / Ketua Bahagian Pendidikan Swasta

Disertakan.....

MATA PELAJARAN YANG DITAWARKAN

Menaip
Trengkas

BAYARAN PEPERIKSAAN BAGI TIAP-TIAP MATA PELAJARAN

Peringkat Permulaan	\$ 30.00
Peringkat Menengah	\$ 40.00
Peringkat Tertinggi	\$ 50.00

BAYARAN BAGI MATA PELAJARAN UJIAN KEPANTASAN MENAIP

Peringkat Menengah	\$ 20.00
Peringkat Tertinggi	\$ 30.00

PUSAT-PUSAT PEPERIKSAAN

Sekolah Rendah Anggerek Desa (Menaip, Trengkas)

Sekolah Rendah Jerudong (Menaip dan Trengkas)